



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

(13) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

14 November 2009

SIARAN MEDIA

PBT SARAWAK TERIMA RM28.2 JUTA

KUCHING, SARAWAK 14 Januari 2010, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperuntukan sebanyak 28.2 juta diperuntukan kepada 26 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sarawak bagi tahun 2010.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan, Datuk Seri Lajim Haji Ukin berkata geran peruntukan tersebut buat pertama kalinya diberikan kepada PBT di negeri ini bagi meningkatkan hubungan baik kerajaan persekutuan dengan pihak berkuasa tempatan di negeri ini.

Katanya, Geran ini juga merupakan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan kepada PBT yang dilaksanakan mengikut Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan) 1981 (Akta 245).

Tambahnya, PBT yang terlibat akan menerima antara RM400,000 sehingga RM 2.3 juta dan meliputi Dewan Bandaraya Kuching Utara (RM1,775,776.90); Majlis Bandaraya Kuching Selatan (RM1,886,040.14); Majlis Bandaraya Miri (RM2,032,509.22); Majlis Perbandaran Sibu (RM2,011,541.42); Majlis Perbandaran Padawan (RM2,314,250.84); Majlis Daerah Bau (RM716,485.97); Majlis daerah Lundu (RM534,136.88); Majlis Daerah Samarahan (RM1,013,950.82); Majlis Daerah Serian (RM1,171,849.34); Majlis Daerah Seri Aman (RM949,770.56); Majlis Daerah Lubok Antu (RM445,509.11); Majlis Daerah Betong (RM912,078.29);

Majlis Daerah Saratok (RM712,411.13); Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (RM936,527.33); Majlis Daerah Kanowit (RM520,893.65); Majlis Daerah Dalat Dan Mukah (RM998,982.22); Majlis Daerah Matu Dan Daro (RM499,509.40); Majlis Daerah Marudi (RM1,081,184.15); Majlis Daerah Subis (RM766,402.76); Majlis Daerah Limbang (RM687,962.09); Majlis Daerah Lawas (RM611,558.84); Majlis Daerah Sarikei (RM895,778.93); Majlis Daerah Maradong dan Julau (RM612,577.55); Majlis Daerah Kapit (RM1,418,377.16) dan Lembaga Kemajuan Bintulu (RM2,145,713.24).

Dengan adanya pemberian geran seumpama ini maka diharapkan PBT di negeri ini akan dapat meningkatkan perkhidmatan mereka kepada rakyat dengan lebih berkesan selaras dengan gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, jelasnya lagi.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke wanzainalshahrman@kpkt.gov.my